

MediaTitle	Berita Harian	Language	Malay
Date	10 Sep 2013	Readership	1,521,000
Circulation	192,982	Color	Full Color
Section	Sentral	ArticleSize	343 cm ²
Page No	N5	PR Value	RM 34,704
AdValue	RM 11,568		



FINAS dekati generasi muda

» Pupuk minat pelajar terhadap seni lakonan

Oleh DJ Dolasoh
Lenggong

Kira-kira 100 pelajar daripada dua sekolah di sini ceria apabila Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS) menganjurkan program Santai Bersama Artis selama dua hari di sekolah berkenaan, baru-baru ini.

Program itu menghimpunkan ahli Kelab Pencinta Filem (KPF) Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Ahmad (SMKDA) dan Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) Lenggong, dalam usaha perbadanan itu mendekati generasi baharu.

Penolong Pengarah Promosi FINAS, Muzri Abdullah, berkata dua artis terkenal yang juga pelakon veteran dan baharu iaitu Aziz Sattar dan Yana Samsudin dijemput ke sekolah berkenaan untuk bermesra dengan ahli kelab KPF di sekolah terbabit.

"Program ini bukan sekadar mendekati ahli KPF sekolah dengan FINAS, malah menyuntik semangat generasi baru supaya mencintai filem tempatan dan berusaha memupuk minat mereka terhadap bidang seni khususnya lakonan.

"Melalui program ini, dua artis ini turut membawa mesej kecintaan terhadap negara dalam kalangan generasi muda bersempena dengan sambutan Bulan Kemerdekaan Negara," katanya ketika ditemui pada program itu di SMKDA, Lenggong, di sini.

Wayang pacak

Muzri berkata, bagi menyemarakkan lagi sambutan Bulan Kemerdekaan ini, pihaknya turut

membawa wayang pacak di MRSM Lenggong dengan menayangkan dua filem bertajuk Leftenan Adnan dan 29 Februari.

"Sambutan terhadap program ini amat memberangsangkan

bukan saja daripada pelajar malah guru dan kakitangan sekolah yang turut hadir pada acara yang diadakan termasuk Santai Bersama Artis.

"FINAS hanya membantu pihak sekolah terutama ahli KPF untuk mencari bakat seni lakonan dalam kalangan generasi muda," katanya.

Sementara itu, pelajar SMKDA yang pernah merangkul tiga anugerah pada program Kem Pencinta Filem Zon Utara (KPFZU) yang diadakan tiga hari di Universiti Utara Malaysia (UUM) tahun lalu, Noraisyah Khairuddin, 19, berkata program Santai Bersama Artis itu banyak memberi manfaat

terutama kepada dirinya.

"Generasi muda sekarang sudah berpengetahuan tinggi sejajar dengan perkembangan internet dan dunia teknologi maklumat menyebabkan mudah untuk memilih jalan terbaik untuk dirinya termasuk menjadi

pelakon atau pengarah filem.

"Dengan bantuan kerajaan, industri perfileman sekarang sudah maju ke depan dan boleh menjamin kehidupan mereka yang terbabit dalam bidang berkenaan," katanya.

Noraisyah yang juga pelajar prauniversiti turut dinobatkan johan Pengkisahan Kenegaraan 1Malaysia (PK1M) Peringkat Perak 2012 anjuran Jabatan Penerangan tahun lalu.

"la bukan sekadar mendekati ahli KPF sekolah dengan FINAS, malah menyuntik semangat generasi baru supaya mencintai filem tempatan"**"**

Muzri Abdullah,
Penolong Pengarah Promosi FINAS



Aziz Sattar (tengah) Yana Samsudin (dua dari kiri) dan Sawibatun Islamiah (empat dari kiri) bersama 300 pelajar dan ahli KPF SMKDA, Lenggong, Perak.

[FOTO DJ DOLASOH / BH]